

## Jadikan Malaysia Sebuah Negara Bebas Rokok



Oleh: Mohd Dzulfikri

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 23 Julai 2021*



Gambar hiasan

Rokok mengandungi pelbagai bahan berbahaya yang boleh mengancam kesihatan seperti nikotin yang menggalakkan pertumbuhan kanser dan tar yang mengandungi lebih 60 bahan kimia bersifat karsinogen.

Malah, asap rokok mengandungi lebih 5,000 bahan kimia dan sekurang-kurangnya 69 daripadanya boleh menyebabkan kanser.

Majlis Fatwa Kebangsaan pada 23 Mac 1995 telah memutuskan bahawa rokok adalah haram. Keputusan itu sejajar dengan firman Allah SWT yang bermaksud: “Dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri kedalam kebinasaan.” (Surah al-Baqarah, ayat 195)

Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2019 menganggarkan hampir 50 peratus golongan lelaki di Malaysia merokok, melebihi kadar di negara maju seperti United Kingdom (38 peratus) dan Amerika Syarikat (35 peratus).

Mungkin disebabkan ingin dilihat sebagai lambang kematangan dan lebih maskulin menjadi antara penyebab seseorang untuk merokok.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi seseorang untuk merokok, antaranya ibu bapa yang menghisap rokok di depan anak-anak mereka.

Ini bukan sahaja menunjukkan contoh yang kurang baik, malah mengajar dan menggalakkan anak-anak mereka supaya meniru perbuatan sedemikian.

Selain itu, pengaruh dan pergaulan dengan rakan-rakan yang merokok juga merupakan faktor penggalak bagi seseorang untuk melakukan perkara yang sama.

Jika tidak merokok, terdapat kemungkinan mereka akan disisihkan kerana dianggap tidak berani. Maka, mereka tidak layak untuk bercampur dengan rakan-rakan yang merokok.

Mereka juga terdorong oleh perasaan ingin mencuba bagaimana rasanya rokok itu. Lebih-lebih lagi golongan remaja yang begitu sinonim dengan sikap mereka yang ingin mencuba sesuatu yang baharu.

Rokok sebenarnya merupakan pembunuh senyap di negara ini. Pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan Malaysia, menganggarkan lebih 27,000 penduduk di negara ini terbunuh akibat tabiat merokok pada setiap tahun.

Pada masa yang sama, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendedahkan bahawa lebih tujuh juta orang meninggal dunia setiap tahun akibat merokok.

Lebih membimbangkan, perokok pasif iaitu seseorang yang tidak merokok tetapi menghidu atau menyedut asap rokok yang dihasilkan oleh perokok aktif turut menerima bahana yang sama. Situasi ini sering terjadi di rumah, tempat kerja dan tempat makan.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia telah melakukan pelbagai inisiatif bagi mendorong rakyat untuk berhenti merokok.

Kempen Tak Nak Merokok yang dimulakan pada tahun 2014 merupakan salah satu usaha kerajaan bagi membendung peningkatan angka perokok yang semakin membimbangkan.

Objektif utama kempen ini adalah untuk memupuk kesedaran dalam kalangan orang ramai tentang bahaya merokok serta menggalakkan perokok untuk berhenti.

Selain itu, pada tahun 2020, kerajaan telahewartakan tempat makan terbuka dan 22 tempat lain seperti taman awam, kawasan keagamaan dan lapangan terbang sebagai kawasan larangan merokok.

Kompau antara RM250 hingga 350 akan dikenakan jika sabit kesalahan bagi sesiapa yang gagal mematuhi undang-undang larangan merokok tersebut.

Usaha kerajaan ini adalah bagi mengurangkan pencemaran asap rokok di tempat awam dan meningkatkan tahap kepedulian masyarakat serta menegaskan tentang bahaya asap rokok terhadap kesihatan.

Pelbagai langkah telah dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan rakyat Malaysia memilih gaya hidup yang sihat dengan menghindari tabiat merokok.

Pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga perlu berganding bahu dalam memperkasakan dan menyedarkan masyarakat tentang implikasi dari tabiat merokok bagi mewujudkan Malaysia yang lebih sihat, aman dan bebas asap rokok.